



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU
JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

KENYATAAN TAWARAN MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

Tawaran adalah dipelawa kepada penyebut harga bagi **Negeri Terengganu** sahaja yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** kod bidang **080101 Kelengkapan/Kemudahan Awam (kecuali kelengkapan kemudahan permainan/sukan)** dan tajuk masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja bekalan seperti berikut :-

1.	NO SEBUT HARGA : MBKT SH121/2025	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONG SAMPAH JENIS MGB 660L UNTUK MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU BAGI KAWASAN ZON A, B, & C.
2.	NO SEBUT HARGA : MBKT SH122/2025	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONG SAMPAH JENIS MGB 660L UNTUK MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU BAGI KAWASAN ZON D & E.
3.	NO SEBUT HARGA : MBKT SH123/2025	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONG SAMPAH JENIS MGB 660L UNTUK MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU BAGI KAWASAN ZON F & G.

SYARAT-SYARAT MEMASUKI TAWARAN

1. Dokumen Sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat **di Kaunter Tingkat 20 , Jabatan Kesihatan Persekitaran, Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** dengan harga **RM30.00/ = Senaskah (Tunai, Wang Kiriman, Bank Draf serta Bayaran Online)**. Untuk maksud ini wakil-wakil penyebut harga hendaklah membawa bersama-sama Sijil Pendaftaran Asal **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **satu salinannya** hendaklah dibawa bersama semasa mengambil **Dokumen Sebut harga**.
2. Satu salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan Rekod Pengalaman Kerja (Pembekalan) dalam bidang berkaitan hendaklah dikembalikan bersama sebut harga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA
KUALA TERENGGANU.

dengan menulis disebelah luar “ **No. Sebut harga seperti contoh MBKT SH. 121/2025** ” dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 18, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Menara Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada **23 OKTOBER 2025 (KHAMIS)**.

3. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah sekali ataupun mana-mana tawaran.
4. Sebut harga ini akan dijual mulai **14 OKTOBER 2025 (SELASA)** hingga **22 OKTOBER 2025 (RABU)** pada waktu pejabat sahaja.
5. Syarikat / Penyebut harga yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas sebut harga disetujuterima atau menarik balik sebut harga selepas keputusan dibuat maka lesen pendaftaran akan disyorkan untuk digantung.

t.t

(DATO JUSMAN BIN IBRAHIM)

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.